

Pendekatan berani tingkat ekonomi

UM - 3/04/2010

Oleh KHAIRUDDIN AMIN

Kita memerlukan dorongan kuat yang mapan dan konsisten supaya perubahan besar hari ini menghasilkan arus momentum yang semakin kuat dan membantu mencapai matlamat kita

PADA hari-hari pertama sebagai Perdana Menteri, saya mengatakan bahawa Malaysia mesti bersedia untuk berubah.

"Kita tiada pilihan, selain daripada bergerak ke hadapan dan menjadi negara berpendapatan tinggi dengan pertumbuhan yang mapan dan menyeluruh," begitulah ungkapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menyampaikan ucapnama pada majlis perasmian Invest Malaysia 2010 di Kuala Lumpur pada 30 Mac lalu, beberapa hari sebelum setahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Malah keprihatinannya terhadap ekonomi terserlah apabila beliau meletakkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)nya sendiri untuk tahun lalu, iaitu sebanyak lima peratus yang mana lebih tinggi daripada unjuran kerajaan.

Ia dilihat sebagai kayu pengukur bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan selain menjadi dorongan kepada pihak-pihak terbabit.

Sepanjang setahun di bawah kepimpinan beliau, banyak perubahan telah dilakukan oleh kerajaan.

Bermula dengan liberalisasi 27 sektor perkhidmatan tanpa sebarang syarat ekuiti dikenakan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif sehinggalah kepada perancangan Model Ekonomi Baru (MEB) beberapa hari lalu yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara berpendapatan tinggi dan meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhan.

Selaras dengan peredaran masa, liberalisasi terus diberi perhatian kerana suka ataupun tidak, ia perlu



NAJIB Tun Razak berucap pada persidangan Invest Malaysia yang turut mengumumkan Model Ekonomi Baru di Kuala Lumpur baru-baru ini.

dilakukan memandangkan sektor kewangan dijangka menjadi pendorong dan pemangkin pertumbuhan ekonomi yang lebih penting dalam peralihan Malaysia ke arah mencapai status ekonomi maju pada 2020.

Sehubungan itu, Malaysia terus memberi kelonggaran terhadap sektor kewangannya pada 27 April tahun lalu yang merangkumi enam teras pakej yang akan dilaksanakan sehingga 2012 membabitkan pemberian sembilan lesen baru kepada peserta

industri sektor berkenaan.

Langkah-langkah liberalisasi itu akan menggalakkan perubahan struktur dalam kewangan serta mempelbagaikan sumber pertumbuhan untuk terus memacu ekonomi negara selain meningkatkan daya saing dan kualiti peserta kewangan tempatan untuk bersaing.

Malah Najib turut mengambil langkah drastik pada pertengahan tahun lalu dengan memansuhkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang diwujudkan sejak 36 tahun lalu yang mewajibkan pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus bumiputera bagi Tawaran Awal Permulaan (IPO) yang bertujuan Malaysia sebagai negara mesra pelabur.

Langkah berani itu dijangka dapat mengurangkan amalan 'Ali Baba', yang sering dikaitkan dengan orang Melayu, kerana peraturan baru tersebut hanya akan membantu mereka yang menolong diri sendiri sahaja.

Selain itu, pemansuhan itu dilakukan berikutan peraturan FIC yang sering mendapat rungutan di kalangan para pelabur asing hingga menyukarkan mereka menanam modal di negara ini.

Langkah memansuhkan peraturan tersebut dilihat dapat meningkatkan daya saing pasaran modal tempatan selain meletakkan semula Malaysia pada landasan yang betul ketika eko-

nomi global mula menunjukkan pemulihan ketika itu.

Selain itu, kerajaan turut meningkatkan had kepentingan asing dalam syarikat-syarikat pembrokeran ditingkatkan kepada 70 peratus berbanding 49 peratus bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan penyenaaran.

Pelbagai perubahan besar dalam industri pembrokeran saham telah mengukuhkan pemain-pemain domestik dan meluaskan skop dalam aktiviti-aktiviti pasaran modal dan pembabitin asing yang menggalakkan melalui skim lesen khas itu telah memperbaiki persaingan dalam industri tersebut termasuk rangkaian global dalam pasaran modal Malaysia.

Mengakhiri tahun 2009, kerajaan juga tidak lupa terhadap syarikat berpotensi besar yang tidak disenaraikan di Bursa Malaysia apabila ia menubuhkan Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) yang akan melakukan pelaburan dalam syarikat terbabit.

Sebagai langkah awal, dana berjumlah RM500 juta telah diperuntukkan kepada Ekuinas dan jumlahnya akan ditambah kepada RM10 bilion.

Perubahan demi perubahan terus dilakukan oleh kerajaan dan tahun 2010 juga tidak terkecuali apabila Najib mengumumkan MEB yang bermatlamat untuk melonjakkan kuan-

tum pendapatan perkapita penduduk negara ini kepada AS\$15,000 (RM49,000) setahun daripada AS\$7,000 (RM23,000) setahun dalam tempoh 10 tahun, sejajar dengan Wawasan 2020 dengan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Selain itu, MEB juga akan mengurangkan jurang pendapatan dan membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum.

Walaupun masih jauh dan sukar namun Perdana Menteri berpendapat perubahan ini tentunya menyakitkan dan jalan pintas pastinya menarik namun kita tidak boleh hanya mencari kemenangan mudah.

"Ia pasti perjalanan yang membawa kesukaran masa pendek, tetapi berbaloi dalam mewujudkan masa depan Malaysia yang lebih kukuh.

"Kita memerlukan dorongan kuat yang mapan dan konsisten supaya perubahan besar hari ini menghasilkan arus momentum yang semakin kuat dan membantu mencapai matlamat kita," kata Najib pada penutup ucapnamanya pada Invest Malaysia 2010 tempoh hari.

Walaupun ungkapan tersebut dilafazkan pada pelancaran MEB namun ia relevan dengan semua inisiatif yang dilakukan sebelum ini.

Malah ia juga mungkin boleh digunapakai untuk inisiatif yang akan datang.



NAJIB Tun Razak menyaksikan tiga agensi peladangan iaitu Felcra dan RISDA memeterai perjanjian persefahaman bagi mewujudkan kerjasama strategik di Putrajaya pada 24 Februari lalu.